

No. Soalan : 24
PR-1333-L71284

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
[GOMBAK]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015

SOALAN : Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah inisiatif yang telah
diambil oleh Kerajaan untuk berdepan
persaingan China dan Amerika Syarikat di
Asia Pasifik yang boleh mengugat
keselamatan rantau ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak atas soalan beliau.

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, rantau Asia Pasifik bukan sahaja mempunyai kepentingan bagi Malaysia, tetapi juga mempunyai kepentingan geo-politik, ekonomi dan keselamatan bagi negara Amerika Syarikat dan China yang merupakan antara kuasa besar dunia. Bagi Amerika Syarikat, kepentingan strategik rantau tersebut terbukti dengan penekanan dasar luar negara berkenaan melalui dasar *US Rebalance to Asia Pacific*, dengan izin, di bawah pentadbiran Presiden Barack Obama yang bertujuan untuk meningkatkan fokus pentadbiran Amerika Syarikat ke atas rantau Asia Pasifik. Manakala bagi China pula, inisiatif *One Belt One Road*, dengan izin, telah diperkenalkan oleh Presiden Xi Jinping dalam usaha China untuk mempertingkatkan jalinan kerjasama antara rantau Asia Timur dengan Eropah.

3. Hubungan antara Amerika Syarikat dan China juga banyak berkait rapat dengan dasar kedua-dua negara berkenaan di rantau Asia Pasifik, dan persaingan antara kedua-duanya di rantau ini juga akan memberikan kesan kepada Malaysia. Kebangkitan Negara China terutamanya dalam bidang ekonomi dilihat telah memberi kesan yang positif kepada negara-negara serantau, termasuk Malaysia.

4. Kestabilan dan keselamatan rantau ini penting kepada China dan Amerika Syarikat. Menurut statistik yang dikeluarkan oleh Bank Dunia, rantau Asia Timur merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dunia. Dua perlima daripada pertumbuhan ekonomi dunia adalah daripada rantau Asia Timur dan pada tahun 2015, pertumbuhan ekonomi di rantau ini dianggarkan sebanyak 6.5% berbanding 3.3% di peringkat global. Sebarang pergolakan di rantau ini sudah pastinya akan turut menjejaskan ekonomi kedua-dua negara berkenaan.

5. Malaysia sentiasa mengambil inisiatif dengan memastikan hubungan dua hala dengan China di bawah "*Strategic Comprehensive Partnership*" yang telah ditandatangani pada tahun 2013 diperkuuhkan dan mengambil pendekatan melalui meja rundingan dan perbincangan bagi menyelesaikan sebarang isu dan perkara berbangkit. Selain itu, Malaysia juga akan menggunakan platform ASEAN bagi menyatakan pendirian Malaysia supaya ketetapan secara kolektif dapat dibuat dalam memastikan kestabilan dan keselamatan di rantau ini sentiasa dipelihara.

6. Sehubungan ini, Malaysia sebagai sebuah negara yang mempunyai hubungan yang baik dan akrab dengan Amerika Syarikat dan China sentiasa mengambil inisiatif semasa pertemuan serta semasa mesyuarat dan dialog dua hala di antara para pemimpin negara dengan pemimpin negara-negara tersebut dalam memaklumkan serta menekankan kepada Amerika Syarikat dan China agar sebarang persaingan antara mereka tidak membawa kepada impak negatif yang boleh menggugat keselamatan rantau ini.

Sekian, terima kasih.